

NIOSH UPDATES

Issue 04, Volume 12, 2019

SAFETY CULTURE IMPROVEMENT WITH BEHAVIORAL AWARENESS SEMINAR

25 April 2019 @ NIOSH
BANDAR BARU BANGI

Apa Itu **Strok Haba** dan
Cara Pencegahan



SAFETY CULTURE IMPROVEMENT WITH BEHAVIORAL AWARENESS SEMINAR

25 April 2019 @
NIOSH
BANDAR BARU
BANGI

- During the last decades companies have invested a lot of time and effort reducing risks for injuries by developing technical solutions and implementing safety management systems. As a result, the number of incidents has been reduced significantly. However, often the incident rate remains on a stubborn plateau and companies look for additional measures to further improve their safety performance based on internal or external requirements. Factors for occupational accidents can be technical, organizational or behavioral. The latter one is paving the way for many pre-existing factors to come together and by this is the final common pathway for almost all accidents. Although many incidents are attributed to people's carelessness or poor safety attitude, most of these are triggered by underlying barriers for safe behavior or supported by the culture of an organization.
- A Behavioral Safety approach addresses at-risk behaviors and identifies underlying barriers. Although Behavioral Safety usually focuses on workshop employee level, an active role and contribution of all employees is required. Essential in Behavioral Safety is to show leadership and activate employees to identify and remove barriers for safe behavior and how to motivate people to strive towards and sustain an injury-free culture. The 1-Day seminar is designed to provide the participants with deeper background information about Safety Culture Improvement based on Behavioral Safety. It will introduce effective tools to improve safe behavior for all levels of employees. The seminar is based on the trainer's practical experience of successfully implementing safety culture improvement programs in many different countries and includes theoretical.



Objectives:

At the end of this seminar, participants should be able to:

- define an injury-free culture
- understand motivation for behavior and how to change behavior
- know details of the 4 elements of a Behavior-Based Safety (BBS) program
- be aware of potential pitfalls and success factors of Behavioral Safety

Target Audiences:

- ✓ OSH Professionals
- ✓ Plant Manager, Heads of Organizations
- ✓ Line Manager in Production, Construction maintenance
- ✓ Safety Manager

ONLINE Registration at <http://www.niosh.com.my>

For more information, please contact the secretariat :

Phone: 03-8911 3877/ 3889 (Ms. Halimatulsaadiah)

F : 03-8926 5655 Email : seminar@niosh.com.my

Register Now!

Date : 25 April 2019

Fee : **RM 100.00**

Certificate : Yes

Registration : **Online System** / www.niosh.com.my

Payment : Cash Upon Registration

SAFETY CULTURE IMPROVEMENT WITH BEHAVIORAL AWARENESS SEMINAR



25 April 2019 @ NIOSH
BANDAR BARU BANGI

NO	PROGRAMME	TIME	DURATION
1	REGISTRATION	08:30 – 09:00	30 M
2	Safety Culture and Behavioral Safety Human Behavior and Actions	09:00-10:30	1 H 30 M
3	TEA BREAK	10:30 – 11:00	30 M
4	Intervention and Communication	11:00 – 12:00	1 H
5	Behaviour-Based Safety (BBS)	12:00 – 13:00	1 H
6	LUNCH	13:00 – 14:00	1 H
7	Pitfalls and Success Factors	14:00 – 15:00	1 H
8	Preparation and Implementation Applied Behavioral Safety	15:00 – 16:30	1 H 30 M
9	CERTIFICATE / TEA BREAK		30 M

Apa Itu **Strok Haba** dan Cara Pencegahan

Malaysia mengalami pemanasan global atau fenomena ekuinoks dua kali setiap tahun pada bulan Mac dan September. Pada ketika itu matahari akan berada tepat di atas garisan Khatulistiwa dengan suhu paling panas terutama pada pukul 12 tengah hari sehingga 3 petang.

Rentetan dari keadaan suhu yang tinggi, kita boleh terdedah pada strok haba atau 'heat stroke' iaitu paras suhu badan meningkat melebihi 40.5 darjah Celsius. Suhu badan individu yang normal ialah 37 darjah Celcius.

Apabila kepanasan dirasai badan, kita akan alami proses berpeluh bagi menyejukkan badan kita. Ia adalah satu proses yang normal tetapi jika berterusan ia akan menyebabkan kandungan air dalam badan berkurangan yang sekaligus akan berpotensi menyebabkan dehidrasi, sawan, kekeliruan, kerosakan otak dan organ dalam badan, koma dan seterusnya kematian.

Strok haba ini boleh berlaku kepada sesiapa sahaja dan juga haiwan peliharaan. Hipertermia ialah keadaan seseorang mengalami penyakit yang dikaitkan dengan kepanasan. Risiko hipertermia lebih tinggi buat warga tua, pesakit diabetes, orang obese dan pesakit yang menghidap hipertiroidisme. Maka, penting untuk ambil tahu tanda-tanda awal strok haba, cara rawat mangsa strok haba dan cara pencegahan strok haba.



Apa Itu **Strok Haba** dan Cara Pencegahan

Tanda awal strok haba



Sakit kepala berdenyut



Kurang berpeluh walaupun dalam panas



Otot lemah dan kejang



Mual



Denyutan nadi yang pantas

Apa Itu **Strok Haba** dan Cara Pencegahan

Tanda awal strok haba



Muntah/rasa hendak muntah



Pitam



Tangan dan kaki menjadi sejuk



Kulit kering dan kemerahan



Sawan

Apa Itu **Strok Haba** dan Cara Pencegahan

Cara rawat mangsa strok haba:

1. Rawatan harus dilakukan dalam masa 45 minit selepas mengalami strok haba
2. Keutamaan rawatan ialah menurunkan suhu badan mangsa
3. Bawa mangsa ke tempat teduh, atau
4. Bawa mangsa ke bilik yang sejuk/berhawa dingin, atau
5. Mangsa ditempatkan di bawah kipas
6. Lap anggota badan mangsa menggunakan tuala basah, atau
7. Rendam mangsa di dalam kolam air
8. Mangsa tidak boleh diberi minuman langsung. Hanya melalui 'intravenous drip.'
9. Bawa ke klinik atau hospital berdekatan



Apa Itu **Strok Haba** dan Cara Pencegahan

Cara pencegahan strok haba:

1. Elakkan aktiviti riadah yang terdedah kepada cuaca panas
2. Minum air dalam kuantiti banyak atau minima 2.5 liter sehari
3. Pakai pakaian yang diperbuat dari 100% kapas kerana bahan itu membenarkan penyejatan peluh yang maksimum
4. Pakai topi dari bahan kapas kerana lebih 40% daripada kehilangan haba berlaku di bahagian kepala
5. Elakkan berjalan atau lakukan aktiviti di atas permukaan panas seperti simen dan bitumen



Sumber rujukan: [Astro Awani](#), [MMA Gazette](#), [Kosmo](#), [Utusan](#), MOE, [Sinar Harian](#)

Industrial Hygiene Simplified

Second Edition

by [Frank R Spellman](#) (Author)

Editorial Reviews

About the Author



Frank R. Spellman, PhD, is a retired assistant professor of environmental health at Old Dominion University, Norfolk, Virginia, and the author of more than 100 books covering topics ranging from concentrated animal feeding operations (CAFOs) to all areas of environmental science and occupational health. Many of his texts are readily available online, and several have been adopted for classroom use at major universities throughout the United States, Canada, Europe, and Russia; two have been translated into Spanish for South American markets.

He holds a BA in public administration, a BS in business management, an MBA, and an MS and PhD in environmental engineering.

Product details

- **Paperback:** 416 pages
- **Publisher:** Bernan Press; Second edition (October 11, 2017)
- **Language:** English
- **ISBN-10:** 1598889621
- **ISBN-13:** 978-1598889628
- **Product Dimensions:** 6.9 x 1 x 10 inches
- **Shipping Weight:** 2 pounds ([View shipping rates and policies](#))
- **Average Customer Review:** [Be the first to review this item](#)
- **Amazon Best Sellers Rank:** #6,453,395 in Books ([See Top 100 in Books](#))
 - #406 in [Books](#) > [Textbooks](#) > [Medicine & Health Sciences](#) > [Medicine](#) > [Clinical](#) > [Occupational & Industrial Medicine](#)
 - #776 in [Books](#) > [Medical Books](#) > [Medicine](#) > [Internal Medicine](#) > [Occupational](#)
 - #2294 in [Books](#) > [Business & Money](#) > [Management & Leadership](#) > [Industrial](#)

BOOK
REVIEW





Headline	: 3 struck by roof frame killed
Publication	: New Straits Times
Date	: 16 Februari 2019
Page	: 10

CRANE DRIVER KNOCKS INTO PILLAR

3 STRUCK BY ROOF FRAME KILLED

Three others injured in incident at building under construction in Prai Industrial Area

AUDREY DERMAWAN
AND NUR IZZATI MOHAMAD
JURU
cnews@nstp.com.my

THREE workers died while three others were seriously injured when the roof frame of a building under construction in the Prai Industrial Area here collapsed yesterday.

Crane driver P. Kumar, 46, from Simpang Ampat, and Rofi Khan, 32, a Myanmar contract worker died at the scene.

Another Myanmar contract worker, Amir Udin Abol Kasim, 20, died at 6.20pm while being treated at Seberang Jaya Hospital.

The three seriously injured, all in their 30s, included one Indonesian and two Myanmar nationals.

Seberang Prai Tengah district



Fire and Rescue Department personnel inspecting the scene of the accident in Juru yesterday. PIC COURTESY OF FIRE AND RESCUE DEPARTMENT

police chief Assistant Commissioner Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid said the bodies were sent to Seberang Jaya Hospital for post-mortem.

He said the three seriously in-

jured sustained head injuries.

"We have yet to get their identify details and are investigating if they have valid working papers.

"The deaths have been classified as sudden death. The inves-

tigation is ongoing."

He said police would ask the Department of Occupational Safety and Health to conduct checks at the scene to determine if the contractor had abided by

rules and regulations.

State Fire and Rescue Department director Saadon Mokhtar said firemen found two bodies under the rubble upon arriving at the scene at 4.40pm.

He said the three injured were sent to hospital.

"Initial investigations revealed that the incident happened when the crane driver knocked into one of the pillars, triggering a domino effect that resulted in the collapse of the roof frame.

"There were 30 workers in the area at the time of the incident. They were waiting to return home after completing their shift."

A security guard said he was shocked when he saw the roof frame falling from a height of 100m.

The man, who only wanted to be known as Sambath, 60, said he ran to the scene to find out what happened.

"It happened at 4.20pm. I heard a group of workers shouting before the roof frame come tumbling down.

"I wanted to get closer, but was stopped by others. It was then the firefighters arrived at the scene."

Headline : Tiga maut kena hempap tiang
Publication : Berita Harian
Date : 16 Februari 2019
Page : 61

Tiga maut kena hempap tiang

➔ 3 lagi parah kerangka bumbung di tapak pembinaan runtuh

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

► Bukit Mertajam

Tiga pekerja maut, manakala tiga lagi dilaporkan parah selepas dihempap tiang dan kerangka bumbung dalam kejadian runtuh di tapak pembinaan di Lorong Perusahaan Maju 8 dekat Perai, di sini, petang semalam.

Dalam kejadian jam 4.20 petang itu, enam pekerja dilaporkan terperangkap ketika melakukan kerja membina semula bangunan kilang yang terbakar apabila kerangka bumbung tiba-tiba runtuh.

Siasatan awal polis mendapati pemandu kren dikatakan terlanggar struktur tiang dan menyebabkan kerangka bumbung yang masih dalam pembinaan runtuh.

Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pulau Pinang, Saadon Moktar, berkata pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 4.42 petang.

6 mangsa terperangkap

Katanya, enam mangsa dikesan terperangkap dalam runtuhannya berkenaan.

"Empat mangsa sudah dikeluarkan yang mana dua daripadanya disahkan meninggal dunia," katanya di sini, semalam.



Tiang dan kerangka bumbung runtuh di sebuah tapak pembinaan di Lorong Perusahaan Maju 8, Bukit Mertajam, yang meragut tiga nyawa, semalam

Mayat mangsa dibawa ke Hospital Seberang Jaya (HSJ) untuk bedah siasat manakala mangsa yang cedera turut dihantar ke hospital sama bagi rawatan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten

Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab Hamid, berkata mangsa ketiga yang juga warga Myanmar meninggal dunia ketika dirawat.

"Polis menerima laporan mangsa meninggal dunia ketika mendapatkan rawatan di hospital.

"Tiga pekerja yang meninggal dunia membabitkan warga tempatan, Myanmar dan Indonesia," katanya di sini, semalam.

Katanya, tiga lagi yang cedera parah dilaporkan kritikal akibat kecederaan di kepala.

[FOTO SHAHNAZ FAZLIE SHAHRIZA/BH]

News
paper
Cutting

Headline : 49 pelajar sekolah cirit-birit
Publication : Komsu
Date : 16 Februari 2019
Page : 12

Dipercayai makan nasi lemak di kantin SK (2) Taman Keramat

49 pelajar sekolah cirit-birit

Komsu
12
16/2/19

KUALA LUMPUR – Kantin Sekolah Kebangsaan (2) Taman Keramat, di sini diarahkan tutup apabila 49 pelajar sekolah terbahit mengalami gejala muntah, sakit perut dan cirit-birit dipercayai selepas makan nasi lemak pada waktu rehat, kelmarin.



KHALID

Pengarah Kesihatan Negeri Selangor, Datuk Dr. Khalid Ibrahim berkata, sehingga kini 22 pelajar telah menerima rawatan pesakit luar manakala 27 lagi hanya mengalami geja-

la ringan dan tidak mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan.

“Kesemua kes adalah stabil dan tiada kemasukan ke wad. Kejadian keracunan makanan ini adalah terkawal dan tiada kes baharu dilaporkan.

“Siasatan masih diteruskan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah Gombak untuk mengenal pasti punca sebenar keracunan makanan tersebut. Sampel pengendali, makanan serta sampel

persekitaran telah diambil untuk tujuan analisa makmal dan masih menunggu keputusan,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau bagaimanapun tidak menolak kejadian disebabkan nasi lemak yang dimakan pelajar terbahit.

Katanya, kantin sekolah berkenaan telah ditutup di bawah Akta Pengawasan dan Pencegahan Penyakit Berjangkit 1988 dan satu notis di bawah Peraturan 32(1)(b), Peraturan-peraturan Kebersihan Makanan 2009 telah dikeluarkan kepada pengendali makanan. – Bernama



KANTIN SK (2) Taman Keramat diarah tutup apabila 49 pelajar sekolah terbahit mengalami gejala muntah, sakit perut dan cirit-birit selepas bersarapan di situ pada waktu rehat kelmarin.

*Malaysia
Cutting*

Headline : Syor sentuh isu kesihatan mental
Publication : Berita Harian
Date : 20 Februari 2019
Page : 17

AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN (OSHA) 1994

Syor sentuh isu kesihatan mental

BH 1A 20/2/19

Kuala Lumpur: Kerajaan disaran meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994 dengan mengambil kira persekitaran kerja yang boleh memupuk kesejahteraan mental.

Penaung Persatuan Psikiatri Malaysia (MPA), Tan Sri Lee Lam Thye, berkata pengabaian kesihatan mental dan psikososial di tempat kerja bukan sahaja merugikan pekerja, malah akan mempengaruhi produktiviti, kecekapan dan hasil pengeluaran organisasi.

Pada masa sama, katanya, masalah kesihatan

mental turut menyumbang kepada insiden kemalangan di tempat kerja.

“OSHA 1994 lebih fokus kepada keselamatan dan kesihatan fizikal walaupun Seksyen 4 (c) akta itu bertujuan mempromosi persekitaran kerja yang memenuhi keperluan fisiologi dan psikologi pekerja.

Sokongan kepada pekerja

“Peruntukan khas mesti dimasukkan dalam pindaan OSHA 1994 untuk menangani masalah kesihatan mental, termasuk menyediakan sokongan kepada pekerja berdepan isu kesihatan

mental,” katanya menerusi kenyataan, semalam.

Mengulas lanjut, Lam Thye mencadangkan supaya Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan di bawah OSHA memainkan peranan secara menyeluruh dengan mengadakan aktiviti berkaitan kesihatan mental.

Ketika ini, katanya, fungsi jawatankuasa itu tiada kaitan dengan kesihatan itu.

“Isu berbangkit di tempat kerja disebabkan gabungan pelbagai faktor seperti tugas yang dilakukan, persekitaran kerja dan faktor berpunca daripada organisasi itu sendiri,” katanya.

Newspaper Cutting

Headline : Dasar baharu ubah lanskap KKP
Publication : Berita Harian
Date : 28 Februari 2019
Page : 14

Dasar baharu ubah landskap KKP

➔ Langkah tingkat tahap keselamatan, kesihatan pekerjaan

Oleh **Zanariah Abd Mutalib**
zanariah_mutalib@bh.com.my

► Sepang

Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail malam tadi melancarkan Dasar Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Negara, dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia.

Timbalan Perdana Menteri berkata, dasar yang diluluskan Jemaah Menteri dan ditandatangani Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 15 Januari lalu itu adalah sebahagian daripada Pelan Induk Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 2016-2020.

Katanya, Dasar KKP Negara akan memandu kepada pematuhan perundangan KKP kepada semua pihak dan menjadi titik tolak kepada perubahan landskap KKP negara.

"Jika sebelum ini, komitmen terhadap isu KKP ini hanya lantang disuarakan pihak kerajaan tetapi selepas ini, pihak majikan dan pekerja juga akan bersama-sama komited dalam meningkatkan tahap KKP di tempat kerja mereka.

Dasar mesti dihormati

"Dasar KKP Negara ini mesti dihormati oleh majikan dan pekerja. Jika tidak, ini boleh mengakibatkan pelanggaran perundangan berkaitan KKP dan tindakan punitif akan diambil oleh JKPP seperti notis, sita, kompaun dan tindakan mahkamah di semua sektor pekerjaan," katanya ketika menyampaikan ucaptama pada Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2018 di sini.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran; timbalannya, Datuk Mahfuz Omar dan Pengerusi Institut Keselamatan



[FOTO MOHD FADLI HAMZAH /BHI]

dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH), Tan Sri Lee Lam Thye.

Dr Wan Azizah berkata, pelaksanaan Dasar KKP Negara oleh majikan akan melindungi pekerja daripada sebarang risiko kemalangan dan penyakit pekerjaan, sekali gus meningkatkan produktiviti dan daya saing mereka.

Sementara itu, Kulasegaran berkata, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) sedang dalam fasa akhir untuk meminda Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 (OSHA 1994) bagi menambah baik peruntukan perundangan sedia ada.

Katanya, antara cadangan pin-

daan akta itu termasuk menaikkan jumlah penalti maksimum bagi pelanggaran peruntukan perundangan dan memperkenalkan peruntukan perundangan lebih terperinci bagi menjelaskan isu penting yang sering berbangkit seperti kewajipan kontraktor utama dan orang yang kompeten.

Dr Wan Azizah melancarkan Dasar KKP Negara sambil diperhatikan tetamu kehormat pada Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2018 di Sepang, malam tadi.

Newspaper Cutting

Headline : Perlu audit keselamatan kenderaan air
Publication : Harian Metro
Date : 26 Februari 2019
Page : 26

Perlu audit keselamatan kenderaan air

HM
26
26/2/19

Kuala Lumpur: Pihak berkuasa berkaitan serta operator bot dan feri perlu melakukan audit keselamatan terhadap kenderaan air mereka bagi mengelakkan berlakunya kemalangan termasuk kebakaran.

Pengerusi Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) Tan Sri Lee Lam Thye berkata, pada masa sama, Jabatan Laut perlu mengarahkan semua operator feri dan bot melakukan pemeriksaan menyeluruh terhadap sistem pendawaian di dalam pengangkutan air itu bagi memastikan ia berada dalam keadaan baik.

"Insiden kebakaran sebuah feri penumpang yang dalam perjalanan dari Pulau Lang-

kawi ke Kuala Perlis hari ini (semalam) seharusnya membuka mata semua pihak mengenai kepentingan aspek keselamatan.

"Walaupun tiada kemalangan jiwa dilaporkan, ia harus menjadi peringatan kepada semua pihak mengenai kepentingan aspek keselamatan.

"Operator terbabit juga harus mempunyai pelan kecemasan untuk menyelamatkan penumpang, pelancong dan kakitangannya jika kemalangan berlaku di dalam feri atau bot mereka," katanya menerusi kenyataan semalam.

Antara lain, beliau berkata, pihak operator perlu melaksanakan latihan keselamatan dan pengungisan atau eva-

kuasi sebagai sebahagian daripada rancangan pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan mereka agar semua kakitangan bersedia untuk menghadapi sebarang jenis kecemasan.

Katanya, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA 1994) menetapkan majikan termasuk operator feri dan bot menjalankan tanggungjawab menyediakan tempat kerja selamat untuk pekerja dan orang yang melawat dan menggunakan kemudahan terbabit, termasuk penumpang dan pelancong.



News
paper
Cutting

Headline	: Niosh: Employers must train staff on workplace safety and health
Publication	: Berita Harian
Date	: 29 Februari 2019
Page	: 6N

MELAKA

STAK SA 21/2/19

By R.S.N. MURALI
murali@thestar.com.my

THE National Institute for Occupational Safety and Health (Niosh) has reminded that employers have the responsibility to continuously equip their staff with information, instruction and training on safety measures at workplace, according to the Occupational Safety and Health Act 1994 (Act 514).

To assist in that, Niosh has 18 regional offices and branches nationwide, offering 111 programmes and 109 courses recognised by the Human Resources Development Fund.

Its deputy chairman K. Gunasegaran said the institute was committed to being the top centre of excellence in occupational

Niosh: Employers must train staff on workplace safety and health

health and safety by creating better awareness.

“Accidents can be prevented simply by prioritising safety in all areas.

“Niosh has always taken the responsibility to ensure that safety and health take precedence at workplaces,” he said.

Gunasegaran said Niosh hoped to ensure that employees were sufficiently trained in the tasks in line with the Act.

He said the maintenance of safety at workplace was usually

carried out by competent persons, site safety supervisors, chemical health risks assessors.

These experts specifically serve to assist the authorities to ensure their workplaces are in compliance with the relevant legal requirements under the Act.

He said Niosh trained about 6,595 safety and health officers and 4,640 site safety supervisors between January 2016 to November 2018.

In addition, Niosh also offers training such as working at height,

scaffolding, confined space, tower crane operator, rigging and slinging, and many other programmes to improve safety especially at construction sites.

There are also skills and competence-based courses carried out to raise awareness in order to shape the attitude and work culture among employees, he said.

Gunasegaran added that Niosh has trained over 583,019 employees so far to expose them on basic safety hazards, especially at construction sites.

Newspaper Cutting



Headline : SOP baharu bauksit diragui
Publication : Komso
Date : 21 Februari 2019
Page : 04

SOP baharu bauksit diragui

Kosmo
4
21/2/19

KUANTAN - Biarpun kegiatan perlombongan bauksit akan diteruskan pada 1 April nanti dengan prosedur operasi standard (SOP) yang lebih ketat, namun Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh masih ragu ia mampu untuk menghalang pencemaran daripada berlaku seperti yang pernah terjadi sebelum moratorium dikenakan 15 Januari 2015.

Fuziah berkata, terdapat beberapa kelompangan yang ketara terutama dalam soal laporan penilaian impak alam sekitar (EIA) di tapak perlombongan bauksit kerana sebelum ini hanya satu laporan disediakan untuk keseluruhan 3,642 hektar kawasan perlombongan di negeri ini.

"Di dalam kertas penambahbaikan industri bauksit di Pahang pada 2016, laporan ini telah mencadangkan agar satu laporan EIA perlu dilakukan untuk setiap satu kawasan perlombongan bauksit.

"Sehubungan itu, satu pindaan Enakmen Mineral Negeri Pahang perlu dilakukan untuk memastikan tiada keluasan minimum yang diperlukan bagi kawasan perlombongan bauksit ini untuk



KERATAN Kosmo! 19 Februari 2019.

laporan EIA, namun sehingga kini tiada sebarang pindaan," katanya ketika dihubungi *Bernama* di sini semalam.

Beliau berkata, laporan EIA diperlukan untuk setiap kawasan perlombongan kerana kawasan persekitaran itu berbeza seperti kawasan yang perumahan padat dengan penduduk, kawasan tadahan air, hulu muka sauk serta kawasan hutan yang sekali gus memerlukan kajian impak yang khusus.

Fuziah, yang juga Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, turut menyuarakan kekhawatiran terhadap SOP baharu nanti yang dilaporkan hanya membenarkan bauksit yang telah diproses untuk diekspor.

"Bauksit ini mengandungi

logam berat dan apabila diproses, air cucian itu akan memasuki sungai-sungai berhampiran terutama sekali kawasan Bukit Goh kerana kita tahu ia terletak di kawasan hulu sauk Loji Rawatan Air Semambu.

"Kita perlu ingat semasa 2015 dahulu, air sungai kita bertukar dari kelas tiga kepada kelas lima iaitu tercemar dengan logam berat dan ini boleh menimbulkan implikasi kesihatan kepada penduduk setempat bukan sahaja juga jangka masa pendek tetapi juga masa panjang," katanya.

Sehubungan itu, beliau meminta supaya kerajaan agar segera mempamerkan SOP baharu untuk perlombongan bauksit itu sebelum tempoh moratorium tamat pada 31 Mac ini.

Newspaper Clipping

Headline : Jari wanita putus tersepit mesin penghancur herba
Publication : Kosmo
Date : 21 Februari 2019
Page : 13

Jari wanita putus tersepit mesin penghancur herba

KOSMO
13
21/2/19

KUALA SELANGOR - Seorang wanita operator mesin terpaksa menahan kesakitan kira-kira 30 minit selepas tangan kanannya tersepit dalam mesin penghancur bahan herba di sebuah kilang di Ijok di sini kelmarin.

Dalam kejadian pada pukul 4 petang itu, mangsa berusia 27 tahun mengalami kecederaan parah termasuk putus jari tengah tangan kanannya.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat Bestari Jaya, Azrel Izaidi Ahamad berkata, seramai 10 anggota termasuk pegawai dikejarkan ke lokasi kejadian selepas menerima panggilan kecemasan pukul 4.08 petang.

"Sebaik tiba, tangan mangsa didapati tersepit dalam mesin penghancur bahan herba. Anggota terpaksa membuka dan meleraikan mesin berkenaan bagi mengeluarkan tangan mangsa.

"Akibat kejadian itu, tangan kanan mangsa mengalami kecederaan parah termasuk putus jari tengah," katanya ketika dihubungi



TANGAN kanan mangsa mengalami kecederaan parah termasuk putus jari tengah selepas tersepit dalam mesin penghancur bahan herba dalam kejadian di Ijok semalam.

di sini semalam.

Jelas beliau, mangsa kemudiannya dibawa ke Hospital Sungai Buloh untuk mendapatkan rawatan selanjutnya.

Newspaper Cutting

Headline : Pekerja maut badan tersepit mesin
Publication : Kosmo
Date : 21 Februari 2019
Page : 13

Pekerja maut badan tersepit mesin

ALOR GAJAH - Seorang pekerja lelaki warga Bangladesh maut selepas badannya tersepit di sebuah kilang pembuatan sarung tangan di Kawasan Perindustrian Kelemak di sini semalam.

Dalam kejadian kira-kira pukul 6.45 pagi itu, mangsa Md. Al Mamun, 31, meninggal dunia di tempat kejadian akibat kecederaan parah pada anggota badan.

Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Penguasa Kanan Bomba I Ahmad Zaidi Safuan berkata, sebaik tiba di tempat kejadian, pasukan bomba mendapati terdapat seorang lelaki warga Bangladesh tersepit pada sebuah mesin memproses.

"Pihak kami menerima panggilan kecemasan pada pukul 6.51 pagi dan sebuah jentera bersama sembilan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Alor Gajah dikejarkan ke lokasi kejadian.

"Pasukan penyelamat mengambil masa kira-kira dua



KEADAAN ngeri seorang pekerja yang maut selepas badannya tersepit di mesin memproses di sebuah kilang pembuatan sarung tangan di Kawasan Perindustrian Kelemak, Alor Gajah semalam.

jam untuk membuka mesin berkenaan bagi mengeluarkan mangsa," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Katanya, mangsa bagaimanapun disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Alor Gajah, Superintendan A. Asmadi Abdul Aziz ketika dihubungi mengesahkan kejadian dan pihaknya masih

menyiasat punca sebenar kejadian.

"Maklumat awal daripada majikan, ketika kejadian mangsa bekerja sendirian di bahagian itu pada syif malam.

"Bagaimanapun polis tidak menolak kemungkinan insiden itu berlaku selepas baju dipakai mangsa tersangkut pada mesin berkenaan menyebabkannya tersepit," katanya.

Newspaper Cutting

Headline : Pekerja maut 'ditelan' mesin
Publication : Harian Metro
Date : 21 Februari 2019
Page : 08

Pekerja maut 'ditelan' mesin

Warga Bangladesh tersepit selepas baju tersangkut jentera

Mu Saliwati Suberi
musalawati@nosh.com.my

Alor Gajah

Seorang pekerja kilang warga Bangladesh maut tersepit di mesin membuat saung tangan di sebuah kilang di kawasan Perindustrian Kelemak di sini, semalam.

Kejadian kira-kira jam 6.45 pagi itu menimpa Md Al Marzun, 31, apabila baju dipakainya tersangkut pada mesin berkenaan.

Ketua Polis Daerah Alor Gajah Superintendan A Asmadi Abi Aziz berkata, mangsa bekerja syif malam dan bersendirian di mesin terbabit.

"Siasatan juga mendapati tiada unsur jenayah atau khianat terhadap mangsa," katanya mayat dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Alor Gajah untuk bedah siasat.

Bellau berkata, pihaknya menunggu laporan bedah siasat bagi mengenal pasti

punca kejadian dan kes disiasat sebagai mati mengejut (SDR).

Sementara itu, Timbalan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat negeri, Ahmad Zaidi Safuan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan pada jam 6.51 pagi sebelum sebuah jentera bersama sembilan anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Alor Gajah, bergegas ke lokasi kejadian.

Bellau berkata, sejarus ti

ba terdapat seorang lelaki tersepit pada mesin.

"Bagi mengeluarkan mangsa, bomba terpaksa membuka kompartmen mesin berkenaan dan dia sudah tidak sedarkan diri."

"Kita menyelarut mengambil masa kira-kira dua jam," katanya ketika dihubungi.

Bellau berkata, mangsa kemudian diakhiri sudah meninggal oleh pasukan perubatan yang tiba di lokasi.



ANGGOTA bomba berjaya mengeluarkan warga Bangladesh yang maut selepas tersepit di mesin membuat saung tangan di sebuah kilang di Kawasan Perindustrian Kelemak.

NewsPaper Cutting



Headline : Usah abai aktiviti kecerdasan
Publication : Berita Harian
Date : 25 Februari 2019
Page : 75



Sebilangan mereka mudah menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) yang dianggap sebagai pembunuh senyap. Antaranya ialah masalah kardiovaskular, berat badan berlebihan, ketegangan dan kemurungan”

Siti Nurani Hassan,
Pakar Teknikal Bahagian
Kesihatan Pekerjaan,
Jabatan Perundingan,
Penyelidikan dan
Pembangunan NIOSH

Siti Nurani melakukan pemeriksaan kesihatan pekerja di NIOSH, Bandar Baru Bangi.

Usah abai aktiviti kecerdasan

➔ Pekerja perlu bimbingan profesional pastikan sentiasa sihat, berdaya saing

Oleh Mahani Ishak
mahani@bh.com.my

► Bangi

Bidang kecerdasan, sinonim dengan lelaki, namun sejak kebelakangan ini kecenderungan itu semakin menyedih dalam kelompok wanita termasuk mampu berdaya saing sebagai jurulatih arena berkecemasan.

Pakar Teknikal Bahagian Kesihatan Pekerjaan, Jabatan Perundingan, Penyelidikan dan Pembangunan Institut Keselamatan dan Kesihatan Negara (NIOSH), Siti Nurani Hassan, umpamanya adalah satu-satunya wanita dalam kalangan 12 pakar teknikal bidang kecerdasan di institut tersebut.

Peranan beliau di NIOSH sebagai jurulatih kecerdasan, tenaga pengajar membuat penyelidikan dan memberi khidmat

nasihat bagi menggerakkan masyarakat ke arah gaya hidup sihat.

Katanya, pekerja di negara ini memerlukan bimbingan profesional supaya lebih sihat dan berdaya saing dalam dunia pekerjaan dengan melakukan senaman dan aktiviti kecerdasan.

“Aktiviti ini untuk memautkan pekerja lebih sihat dan cergas. Ramai pekerja mempunyai penyakit mengakibatkan mereka tidak dapat melaksanakan tugas dengan sempurna disebabkan mengahayakan amalan gaya hidup sihat.

NCD pembunuh senyap

Justeru, sebilangan mereka mudah menghidap penyakit tidak berjangkit (NCD) yang dianggap sebagai pembunuh senyap. Antaranya ialah masalah kardiovaskular, berat badan berlebihan, ketegangan dan kemurungan,” katanya ditemui BH, baru-baru ini.

Siti Nurani berkata, laporan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) membuktikan setiap pekerja memerlukan penyagaan kesihatan berterusan bagi mengurangkan risiko NCD.

“Modul ini menekankan strategi pemeliharaan kesihatan dan aktiviti kecerdasan supaya pekerja fokus pada pekerjaan dan kekal aktif menjalani kehidupan lebih sihat,” katanya.

“Inisiatif itu sebagai langkah pencegahan bagi mengelak majikan melabur terlalu tinggi dalam pembiayaan perubatan hingga mengakibatkan pekerja kerap mengambil cuti sakit.

Faktor ini menyumbang kepada kos kesenambunyi kepada majikan berikutan ramal pekerja terabit menghidap penyakit kronik dan meninggal pada usia muda.

Wakil NIOSH ikuti latihan di Jerman

Justeru, peranan itu kepada empat cahaya mata Iri, amat besar di institut berkenaan juga pernah ke Jepun, pada 2014 sebagai ketua projek penyelidikan NIOSH bagi memperincikan kajian mengenai umur tubuh pekerja tempatan.

Beliau mewakili institut itu untuk mengikuti latihan khas ke Munich, Jerman, pada 2017

dalam bidang kesihatan pekerjaan.

Katanya, penekanan penjagaan kesihatan penting untuk kehidupan berkualiti agar pekerja sihat dan cergas menerusi aktiviti fizikal.

“Modul ini sebagai sokongan Kementerian Sumber Manusia bagi menangani NCD merubahkan pekerja berusia 25 tahun dikesan mempunyai darah tinggi, diabetes dan obesiti. Keadaan itu semakin membimbangkan,” katanya.

Beliau berkata, pekerja menghidap penyakit terabit boleh dibantu dengan mengamalkan senaman bersesuaian dan pelan pemakanan supaya kembali pulih serta melahirkan pekerja produktif.

“Kita akan menganalisis kandungan lemak, kolesterol, darah dan air kencing untuk memberikan panduan senaman bersesuaian supaya mereka tidak sahah melakukan senaman.

“Ini sebahagian usaha pencegahan dan pendedahan asas berkaitan penjagaan tulang belakang, diet seimbang dan mengemukakan berat badan ideal sekali pes dapat meningkatkan produktiviti,” katanya.

Beliau berkata, persekitaran hidup dan suasana tempat kerja menyokong perubahan sikap dengan mengamalkan gaya hidup sihat dan cergas.

Malaysia
Berita
Harian